



فچابهه فریندهارأن نگري ترغكانو

PEJABAT PERBENDAHARAAN NEGERI TERENGGANU

Tingkat 3 & 4, Wisma Darul Iman,
20592 Kuala Terengganu,
Terengganu.

Telefon : 09-623 1957
Faks : 09-623 7949 (Perb. Tr)
: 09-626 7948 (Bend. Tr)
E-mel : perbendaharaan@terengganu.gov.my

PERB.TR.U/05/01 – (25)

14 November 2021

9 R'akhir 1443

Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Ketua Badan-Badan Berkanun Negeri
Semua Yang DiPertua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri
Terengganu.

Tuan,

PERMOHONAN PINJAMAN KOMPUTER

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Pengurusan Pejabat Perbendaharaan Negeri Terengganu pada 31 Oktober 2021 yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat, Pegawai Kewangan Negeri telah bersetuju untuk menggunakan syarat-syarat pembiayaan di dalam Pekeliling Perbendaharaan Malaysia WP9.1 sebagaimana pada 5.3.2 - Komputer bagi maksud pekeliling ini dikelaskan kepada tiga (3) kategori seperti berikut:

- a) komputer desktop;
- b) komputer riba; dan
- c) komputer tablet.

3. Sehubungan itu, ipad dan tablet (lain-lain jenama) adalah diklasifikasikan sebagai komputer tablet dan pembelian peranti tersebut bagi maksud pinjaman komputer adalah dibenarkan. Walaubagaimanapun, had pinjaman masih lagi kekal pada kadar RM3,000.00 dengan syarat peranti yang dibeli sama sekali **tidak boleh digunakan untuk membuat panggilan telefon**.

4. Untuk makluman, pentadbiran ini juga telah bersetuju untuk menimbangkan permohonan pinjaman bagi pembelian komputer daripada mana-mana pembekal selain daripada yang telah berdaftar sebagaimana Pekeliling Pejabat Setiausaha Kerajaan Terengganu Bil. 7 Tahun 2000. Walau bagaimanapun pertukaran pembekal selepas lulus hendaklah mendapatkan kelulusan terlebih dahulu daripada Pegawai Kewangan Negeri.

Sekian, terima kasih.

"TERENGGANU MAJU, BERKAT, SEJAHTERA"

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

Saya yang menjalankan amanah,

(ZAWAWI BIN ABD RAHMAN)

Timbalan Pegawai Kewangan Negeri
b.p. Pegawai Kewangan Negeri
TERENGGANU.

"Berbelanja Berhemat, Membawa Keberkatan"

Sila nyatakan rujukan kita apabila menjawab